

**SOALAN NO.215****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN ISMAIL  
[KUALA KEDAH]**

**SOALAN :**

**YB Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah sebabnya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berhenti mengedarkan Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) Suku Tahun Pertama 2017 kepada parti politik dan apakah sebabnya pertambahan sebanyak 28,416 pengundi di bawah prosedur tuntutan dalam RDPT suku tahun pertama 2017.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Kali Ke-773 pada 28 Mac 2017 telah memutuskan bahawa buku dan cakera padat Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) tidak lagi diedarkan kepada parti-parti politik mulai pameran RDPT bagi Suku Tahun Pertama Tahun 2017. Keputusan ini dibuat memandangkan terdapat proses pameran yang membolehkan pihak berkepentingan memeriksa nama-nama pemohon yang terlibat. Walau bagaimanapun, pemberhentian amalan ini tidak menghadkan akses pihak-pihak berkepentingan kepada RDPT dan dalam masa yang sama, tiada keperluan perundangan untuk SPR melaksanakan amalan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan kepada Peraturan 14, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, mananya orang yang berkelayakan dan telah memohon supaya didaftarkan dalam DPT tetapi mendapati namanya tidak dimasukkan ke dalam daftar pemilih semasa semakan RDPT, pemohon tersebut boleh mengemukakan tuntutan kepada Pendaftar Pemilih Negeri dalam tempoh pameran RDPT tersebut.

Berdasarkan kepada peraturan tersebut, SPR telah menerima sebanyak 28,368 tuntutan pendaftaran dalam tempoh pameran RDPT Suku Tahun Pertama Tahun 2017 dan mendapati tuntutan tersebut telah dibuat mengikut prosedur yang betul.

Sekian, terima kasih.